



## SE PANJANG BULAN MAC 2019 SEWAAN FASILITI

- Berlangsungnya kejohanan-kejohanan sukan di sekitar venue sukan UTHM sepanjang bulan Mac 2019:
- 01 Mac 2019 - Sekolah Rendah Islam Hidayah(Stadium)
- 02 Mac 2019 - Perlawanan Akhir Liga Sri Gading (Stadium)
- 10-14 Mac 2019 - Latihan Pusat Olahraga MSSDBP (Stadium)
- 08-11 Mac 2019 - Latihan Pra Sukma Johor (Turf Hoki)
- 18 Mac 2019 -Kejohanan Olahraga SK Sabk Uni (Stadium)

**02 MAC 2019**

### PERLAWANAN PERSAHABATAN HOKI UTHM VS UTEM

- Perlawanan Persahabatan di antara pasukan hoki pelajar UTHM bersama UTEM di Turf Hoki UTHM.
- Perlawanan persahabatan ini menjadi platform bagi meningkatkan pembangunan sukan hoki dan secara tidak langsung menjadi landasan terbaik dalam mengerakkan hubungan di antara dua universiti.



## 02 HINGGA 03 MAC 2019 POWERMAN ASIA DUATHLON CHAMPIONSHIP- MALAYSIA

- Tahniah diucapkan kepada UTHM Cycling Club - En. Zakaria Sabran yang telah memenangi Pingat Emas (Shot Relay) dalam Kejohanan Powerman Asia Duathlon Championship-Malaysia pada 2-3 Mac 2019 anjuran E-Plus Global dan Powerman Asia.
- Pasukan Berbasikat UTHM juga aktif dalam menyertai kejohanan-kejohanan jemputan di sekitar Malaysia sebagai inisiatif bagi meningkatkan prestasi pemain.

## 06 MAC 2019 LEVEL 1 COACHING COURSE 15'S WORLD

- Tahniah diucapkan kepada Saudara Mohd Suhayl Azmin yang telah berjaya memperolehi Level 1 Coaching Course 15's World Rugby, Malaysia Rugby Union, Majlis Sukan Negara.
- Moga pembangunan sukan ragbi di UTHM akan terus cemerlang.





**07 MAC 2019  
UTHM HEALTHY LIFESTYLE**

- Zumba & Workout bersama Zin Finaz di Studio Aerobic Pusat Sukan UTHM. Di antara usaha dan inisiatif ke arah memperkasakan gaya hidup sihat di UTHM.
- Aktiviti ini diadakan pada setiap hari khamis dan disertai oleh warga UTHM.

**11 MAC 2019  
LAWATAN DAN PERKONGSIAN BERSAMA PUSAT  
SUKAN USIM BERKAITAN PENJANAAN KEMUDAHAN  
SUKAN**

- Siri Lawatan dan Perkongsian bersama Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan, berkaitan penjanaan kemudahan sukan.
- Platform berkongsi idea dan pendapat bagi meningkatkan pengurusan kemudahan sukan di UTHM.



**11 MAC 2019  
ISN LECTURE SERIES 1/2019-INTRODUCTION TO  
ATHLETE'S MANAGEMENT SYSTEM**

- Staf Pusat Sukan menghadiri ISN Lecture Series 1/2019 - Introduction To Athlete's Management System oleh Mr. Braydon Rhys Mallit, Sport Scientist, Fusion Sport Australia di Dewan Perdana, Institut Sukan Negara.

**12 MAC 2019  
TAKLIMAT DAN MAJLIS UNDIAN LIGA FUTSAL IPT 2019**

- En Khairul Amir Hamzah telah mewakili UTHM ke Sesi Taklimat dan Majlis Undian Liga Futsal IPT 2019 di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak.
- Setelah berusaha selama 3 tahun di Liga Premier, Pasukan Futsal Lelaki UTHM berjaya menempatkan pasukan di Liga Super Futsal IPT 2019.





**12 MAC 2019  
PERHIMPUNAN KECERGASAN BIL 2/2019**

- Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 2, 2019 anjuran Pusat Sukan dengan kerjasama Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 12/3/2019 bertempat di Stadium UTHM.
- Program ini merupakan program bulanan yang bertujuan untuk melahirkan warga UTHM yang sihat dan cergas.

**19 MAC 2019  
LAWATAN VENUE SEMPENA PENGANJURAN  
KEJOHANAN VOTEK KEBANGSAAN 2019**

- Lawatan venue dan perbincangan bagi penganjuran Kejohanan VOTEK Peringkat Kebangsaan 2019 yang dijangka akan melibatkan 5 acara sukan iaitu bola sepak, bola jaring, sepak takraw, ragbi dan softbol.
- Penerangan kepada delegasi telah disampaikan oleh En. Muhammad Yazid Abu Talib selaku Ketua Unit Fasiliti.



**20 HINGGA 21 MAC 2019  
LAWATAN FASILITI SUKAN (UITM, UM DAN PUSAT  
AKUATIK DARUL EHSAN)**

- Bahagian Pengurusan Acara & Korporat dan Fasiliti telah mengadakan Lawatan Fasiliti Sukan ke Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaya dan Pusat Akuatik Darul Ehsan.
- Lawatan ini merupakan platform bagi berkongsi idea dan kepakaran bagi memperkasakan kemudahan sukan di UTHM.



**22 HINGGA 23 MAC 2019  
PAMERAN SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN HARI  
KEPUTERAAN DYMM SULTAN IBRAHIM IBNI  
ALMARHUM SULTAN ISKANDAR**

- Pasukan Pameran Pusat Sukan berada di Dataran Gemilang Yong Peng pada 22 dan 23 Mac 2019 ini sempena Program Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.
- Di antara aktiviti pameran yang terlibat adalah memperkenalkan peralatan rowing machine kepada orang ramai dan simulasi pertandingan.





**23 HINGGA 24 MAC 2019**

### KEJOHANAN BADMINTON OPEN 2019

- Kejohanan UTHM Badminton Open 2019 telah dianjurkan oleh pasukan badminton pelajar dengan kerjasama Pusat Sukan UTHM.
- Kejohanan pada kali ini melibatkan penyertaan daripada 32 pasukan lelaki dan 19 pasukan wanita. Pengajuran ini telah berjaya mendapat tajaan daripada beberapa syarikat yang terkenal seperti Apacs dan Young & Yang Yang.

**22 MAC 2019**

### PERLAWANAN PERSAHABATAN PASUKAN FUTSAL ARMADA UTHM VS SELANGOR

- Pasukan Futsal Armada UTHM telah mengadakan perlawanan persahabatan menentang Pasukan Selangor yang telah diadakan di Sportizza, Shah Alam.
- Perlawanan persahabatan ini merupakan persiapan pasukan bagi menghadapi perlawanan yang sebenar.
- Keputusan perlawanan: UTHM Armada (3) vs (7) Selangor.



**22 HINGGA 23 MAC 2019**

### KEJOHANAN NOTTINGHAM ULTIMATE TAEKWONDO SHOWDOWN 2019 (NUTS'19)

- Pasukan Taekwondo UTHM yang telah menyertai Kejohanan Nottingham Ultimate Taekwondo Showdown 2019 (NUTS'19) bertempat di Kompleks Sukan, University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC), Semenyih, Selangor. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:
  - 1. Muhammad Imran bin Zolfa - Emas Acara Kyorugi Kategori Senior Feather Lelaki
  - 2. Lydia binti Isharuddin - Perak Acara Kyorugi Kategori Senior Feather Wanita

### 30 MAC 2019 SLOT PERKONGSIAN KECERGASAN

- Pusat Sukan UTHM yang diwakili oleh Pn. Farhawahidah binti Ahmad Puad telah dijemput bagi menyampaikan Slot Kecergasan sempena program pemindahan ilmu di Kampung Parit Samijan anjuran Kokurikum Badan Beruniform PPUK. Program telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Shahruddin Md. Salleh, Ahli Parlimen Sri Gading Merangkap Timbalan Menteri Wilayah.





**27 MAC HINGGA 31 MAC 2019.  
KEM LATIHAN & PEMILIHAN BAGI PERSIAPAN KE SEA GAMES 2019 (ROWING)**

- Seramai 6 orang Atlet Rowing UTHM telah terpilih menjalani Kem Latihan & Pemilihan bagi persiapan ke Sea Games 2019.
- Senarai pelajar yang terpilih adalah seperti berikut:
- 1. Ahmad Nuradi Aziz bin Roslan - FKMP  
2. Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok - FPTP  
3. Muhammad Khasful Rahman bin Zakaria - FKAAS  
4. Ng Yin Hui - FAST5.  
5. Nurzarinah binti Zakaria - FSKT  
6. Nur Asyikin binti Mohd Azahari- PPD

**30 MAC 2019  
KEJOHANAN PETANQUE JEMPUTAN SMK BENUT**

- Pasukan Petanque UTHM telah menyertai Kejohanan Petanque Jemputan SMK Benut, Pontian pada 30 Mac 2019 bertempat di Laman Petanque SMK Benut.
- Kejohanan ini telah disertai seramai 42 pasukan dari seluruh Negeri Johor. Ianya merupakan usaha pasukan bagi meningkatkan prestasi atlet.



**02 APRIL 2019  
TAKLIMAT JURULATIH SAMBILAN**

- Taklimat Jurulatih Sambilan Sukan UTHM 2019 telah diadakan pada 02 April 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Perpustakaan Tunku Tun Aminah.
- Pengarah Pusat Sukan turut menyampaikan Surat Penghargaan Jurulatih 2018 dan Surat Lantikan Jurulatih bagi Tahun 2019.

**05 APRIL 2019  
PERLAWANAN PERSAHABATAN PASUKAN FUTSAL  
ARMADA UTHM VS KUALA LUMPUR CITY MPFL TEAM**

- Perlawanan Persahabatan di antara Pasukan Armada UTHM dan Kuala Lumpur City MPFL Team telah diadakan bertempat di IM4U Puchong.
- Keputusan perlawanan : KL City (12) vs (7) UTHM Armada

**FRIENDLY MATCH**

**Tempat: IM4U Puchong  
Tarikh: 5 April 2019  
Masa: 20.00-22.00**



ARMADA FUTSAL

KUALA LUMPUR CITY  
-MPFL TEAM-



**04 HINGGA 06 APRIL 2019.  
BENGKEL HALATUJU DAN SASARAN PUSAT SUKAN 2019**

- Bengkel Halatuju dan Sasaran Pusat Sukan telah diadakan di Hotel Avillion, Melaka. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM. Beliau turut menyampaikan amanat dan perkongsian bagi meningkatkan pengurusan dan pembangunan sukan di UTHM. Turut hadir, En. Naim Maslan, Timbalan Pendaftar Kanan UTHM sempena penganjuran bengkel pada kali ini.

**05 HINGGA 06 APRIL 2019  
PERTANDINGAN MENDAKI PERINGKAT JOHOR**

- Pasukan Mendaki Cruxs UTHM telah menyertai Pertandingan Mendaki Peringkat Johor bertempat di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang Johor anjuran KBS dan ISREC ADVENTURE. Pencapaian pasukan adalah seperti berikut:
  - Johan dan Naib Johan : Kategori Speed Climbing (L dan W)
  - Johan, Naib Johan dan Ketiga : Kategori Boulder (L)
  - Johan dan Naib Johan : Kategori Bouldering (W)



**09 APRIL 2019  
PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL. 3, 2019**

- Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 03, 2019 anjuran Pusat Sukan dengan kerjasama Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 09/04/2019 bertempat di Stadium UTHM. Program ini merupakan program bulanan yang bertujuan untuk melahirkan warga UTHM yang sihat dan cergas.

**10 APRIL 2019  
FOOD EXCHANGE 2019**

- Program Food Exchange bersama Dietitian Hafiz Rosli telah diadakan di Bilik Seminar Lestari 1, PTTA dengan penyertaan seramai 30 orang staf.
- Program ini merupakan platform bagi penerapan ilmu pemakanan sebagai panduan dalam merancang diet yang seimbang ke arah amalan gaya hidup sihat.





**10 APRIL 2019  
MESYUARAT PELARASAN BIL 1 KARNIVAL SUKAN  
MASUM 2019**

- Mesyuarat telah diadakan pada 10 April 2019 bertempat di Dewan Mesyuarat Kampus Gambang, Aras 1, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- UTHM telah diwakili oleh En. Mohd Hazrin Rahman dari Unit Kecemerlangan Pelajar, Pusat Sukan Universiti.

**SEPAJANG BULAN APRIL 2019  
SEWAAN FASILITI**

- Berlangsungnya kejohanan-kejohanan sukan di sekitar venue sukan UTHM sepanjang bulan April 2019:
  - 11 April 2019 - Kejohanan Sukan Sekolah SK Pintas Puding (Stadium)
  - 12 hingga 13 April 2019 - Sirkit Remaja Johor 2019, Sirkit 1, (Stadium)
  - 27 April 2019 - Sukan Wilayah TNB (Stadium)



**11 HINGGA 13 APRIL 2019  
KARNIVAL FUTSAL WANITA IPT 2019**

- Pasukan Futsal Wanita UTHM telah menamatkan saingan di peringkat kumpulan dalam Karnival Futsal IPT Wanita bagi edisi ini.
- Semangat dan kesungguhan yang telah diberikan dalam setiap perlawanan amatlah dihargai dan ianya menunjukkan setiap pemain telah berusaha sebaiknya.

**12 HINGGA 14 APRIL 2019  
FIRST NATIONAL HEAD OF MUAR RIVER REGATTA 2019**

- 1st National Head of Muar River Regatta 2019 Johor anjuran Pasukan Rowing Barracuda UTHM dan Pusat Sukan Universiti UTHM dengan kerjasama Persatuan Rowing Johor telah berjaya dianjurkan di Oyster Bay Muar.
- Pengajuran telah menerima tajaan daripada Aviron Malaysia, MATEC ENGINEERING AND CONSTRUCTION, Oyster Bay dan Persatuan Mendayung Putrajaya.
- Alumni-alumni pasukan rowing juga turut bertugas sebagai teknikal sebagai tanda sokongan kepada pengajuran ini.





**13 APRIL 2019  
(INTER-SCHOOL) TAEKWONDO CHAMPIONSHIP 2019**

- Pasukan Taekwondo UTHM telah menyertai Kejohanan Johor (Inter - Schools) Taekwondo Championship 2019 pada 13 April 2019 bertempat di UniKL MITEC, Pasir Gudang, Johor anjuran Persatuan Taekwondo Johor (TM/WTF).
- Pasukan UTHM telah berjaya memenangi 4 pingat Emas, 2 pingat Perak dan 3 pingat Gangsa.

**12 HINGGA 14 APRIL 2019  
KEJOHANAN HANDBALL UMP OPEN 2019**

- Pasukan Bola Baling UTHM telah menyertai Kejohanan Handball UMP Open 2019 pada 12-14 April 2019 bertempat di UMP Gambang.
- Pasukan Bola Baling Lelaki dan Wanita menamatkan saingan di pusingan kedua.
- Penyertaan ini merupakan inisiatif pasukan bagi meningkatkan prestasi pasukan.



**11 HINGGA 13 APRIL 2019  
WARUNG CHE'PAH BARRACUDA**

- 1 Sukan 1 Syarikat Korporat telah berjaya direalisasikan dengan pembukaan pertama Warung Che'Pah Barracuda oleh penaja Marina Bay Muar. Kerjasama di antara Marina Bay Muar dan Pusat Sukan Universiti ini telah membuka peluang dan ruang kepada pasukan sukan pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah di samping meningkatkan ekonomi diri pelajar.

**12 HINGGA 14 APRIL 2019  
PERLAWANAN PERSAHABATAN ARMADA UTHM VS UTEM**

- Kehadiran Ultras UTHM merangsang semangat Armada semasa perlawanannya persahabatan UTHM (13) vs (8) UTEM di gelanggang futsal Pura Kencana.
- Ianya merupakan test match terakhir sebelum sepak mula Fasa 1 Liga Super bermula pada 24-29 April 2019.





**18 HINGGA 21 APRIL 2019.  
KETUA PERTANDINGAN FESTIVAL SILAT NUSANTARA  
2019**

- Tahniah diucapkan kepada En.Azli bin Puddin, Pengarah Pusat Sukan Universiti yang telah dilantik sebagai Ketua Pertandingan sempena Festival Silat Nusantara 2019 yang berlangsung di Megamall Kuantan, Pahang.

**20 APRIL 2019  
MMU NETBALL OPEN IPT CHAMPIONSHIP**

- Pasukan Bola Jaring UTHM telah menyertai Kejohanan MMU Open IPT Championship 2019 pada 20 April 2019 bertempat di MMU Melaka. Pasukan UTHM telah menghantar 2 pasukan yang mewakili UTHM Kampus Parit Raja dan UTHM Kampus Pagoh.
- Pencapaian :
- Pasukan UTHM Kampus Pagoh : Peringkat Kumpulan
- Pasukan UTHM Kampus Parit Raja : Peringkat Suku Akhir.



**20 APRIL 2019  
PERTUNJUKAN ROWING BOAT SEMPENA LINTASAN  
HORMAT DIRAJA SUKAN AIR KARNIVAL JAMBATAN  
SULTAN ISMAIL, MUAR**

- Pasukan Rowing Barracuda UTHM telah diberi penghormatan untuk melakukan pertunjukan rowing boat sempena Lintasan Hormat Diraja Sukan Air Karnival Jambatan Sultan Ismail Muar 2019 pada 20 April 2019 bertempat di Sungai Muar.
- 2 bot, 8 lelaki dan 8 wanita telah terlibat dalam pertunjukan ini.

**26 APRIL 2019  
UJIAN KECERGASAN ATLET SUKAN UTHM**

- Ujian Kecergasan Atlet Sukan UTHM telah berlangsung seawal jam 7.00 pagi di Turf Hoki UTHM di bawah kendalian En. Mohd Hazrin, Unit Kecemerlangan Pelajar.
- Ujian kecergasan ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap kecergasan atlet ke arah persiapan ke kejohanan sukan utama bagi tahun 2019 ini.





**27 APRIL 2019.  
PROGRAM JALINAN KASIH INDUK-PAGOH 2019**

- Pasukan Lawn Bowls UTHM telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Jalinan Kasih Induk - Pagoh 2019 bertempat di Green Lawn Bowls Shared Facilities Pagoh.
- Program ini merupakan aktiviti yang dijalankan pada setiap semester untuk mengeratkan silaturahim antara atlet Pasukan Induk dan Pagoh. Seterusnya, melalui program ini pelbagai input-input yang bermakna dapat dikongsikan di kalangan pemain bagi meningkatkan prestasi pasukan. Diakhir program, para atlet telah menjalankan sesi perlawanan di antara pasukan Induk dan Pagoh.

**28 HINGGA 29 APRIL 2019  
PASUKAN TEKNIKAL KFSJ-UTHM FLOORBALL  
CHAMPIONSHIP 2019**

- KFSJ-UTHM Floorball Championship 2019 telah berlangsung pada 28-29 April 2019 bertempat di Pura Kencana Sports Center dengan penyertaan daripada 21 buah sekolah di Negeri Johor.
- Kejohanan ini ditaja sepenuhnya oleh Persatuan Floorball Negeri Johor manakala UTHM merupakan teknikal rasmi kejohanan.
- Moga usaha dan inisiatif ini akan merancakkan lagi pembangunan sukan UTHM serta memperkasakan bakat pelajar dalam pengurusan acara dan teknikal pertandingan.



**28 APRIL 2019  
MARATHON 52KM | LABUAN INTERNATIONAL KAYAK SEA  
CHALLENGE 2019 | 28 APRIL 2019**

- Tahniah diucapkan kepada atlet Barracuda Canoe yang telah berjaya menamatkan kayuhan 52km dan mendapat medal di kejohanan yang berlangsung di Labuan.
- Pencapaian:
- Men Single - No 10 (Muhammad Adam bin Mohd Nazeri)
- Penyertaan ini merupakan persiapan pasukan bagi menghadapi kejohanan utama pad tahun ini.

**28 APRIL 2019  
ANUGERAH SUKAN MASUM 2018**

- Tahniah dan syabas diucapkan kepada penerima-penerima anugerah seperti berikut:
- En. Azli Bin Puddin : Anugerah Sekalung Budi MASUM 2018 (Mantan Setiausaha Agung MASUM)
- Saudara Mohd Arif Ashraf Bin Mohd Rusok (Rowing) : Anugerah Atlet Lelaki Terbaik UTHM
- Saudari Nur Dini Hazwani Binti Sumari (Rowing) : Anugerah Atlet Wanita Terbaik UTHM





**29 APRIL 2019  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

- Seramai 185 orang staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang berlangsung pada 29 April lalu bertempat di Dewan Sultan Ibrahim UTHM. Manakala 262 staf lagi telah terpilih menerima beberapa anugerah lain antaranya Anugerah Taat Setia (ATS), Anugerah Jasa Bakti (AJB), Anugerah Khas Panel Pembangunan Sumber Manusia (AKPPSM), Anugerah Cuti Belajar (ACB) dan Penghargaan Kepada Pesara.



#### **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

- Pn Nuur Nasyarah binti Mat Hassan
- Pembantu Belia & Sukan (S19)



#### **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

- En. Shaid bin Jaffar
- Pembantu Belia dan Sukan Kanan (S22)



#### **ANUGERAH JASA BAKTI**

- Pn Farhawahidah binti Ahamad Puad
- Pegawai Belia & Sukan Kanan (S44)



#### **ANUGERAH JASA BAKTI**

- En Saiful Norashid bin Normadiah
- Pembantu Awam (H11)